



---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (9)  
Tarikh : 9 Mac 2021

## KENYATAAN MEDIA

---

### **PENYELARASAN INISIATIF PEMILIKAN RUMAH MAMPU MILIK MELALUI PENUBUHAN NATIONAL HOUSING CORPORATION (NHC)**

---

Dengan aspirasi untuk menyelaraskan inisiatif pemilikan rumah mampu milik, Perbadanan Perumahan Nasional atau *National Housing Corporation (NHC)* akan ditubuhkan sebagai satu inisiatif di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menyelaraskan kesemua agensi pembangunan perumahan dibawah satu entiti tunggal yang akan berperanan menyelaras, merancang pembinaan dan menyediakan pelan kewangan bagi rumah mampu milik (RMM) di seluruh negara.

2. Penubuhan NHC ini sedang diperhalusi oleh Kerajaan dan akan dilaksanakan sama ada melalui pindaan kepada Akta Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) 2012 atau penubuhan satu entiti baharu NHC dengan akta yang khusus mentadbir agensi tersebut. Objektif penubuhan NHC adalah bagi mewujudkan sebuah entiti perumahan yang akan menyelaras, membangunkan perumahan awam dan sosial mengikut keperluan rakyat. Selain itu, agensi ini juga akan menyediakan perumahan yang berkualiti dengan kos yang efektif serta *living communities* dan mempunyai model kewangan serta struktur organisasi yang mampan.

3. NHC akan memberi fokus terhadap aspek-aspek berikut seperti:

- I. Penyelidikan dan perancangan strategik perumahan khususnya daripada segi pemusatan pengkalan data perumahan bagi mengatasi masalah ketidaksepadanan antara bekalan dan penawaran perumahan khususnya bagi perumahan mampu milik sama ada awam maupun swasta;
- II. Akta, perundangan, kawalan, pelesenan dan penguatkuasaan perundangan perumahan bagi menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat dalam industri perumahan seperti pembeli, pemaju, kontraktor serta pembiayaan kewangan;
- III. Pengurusan insentif perumahan, skim sewaan, pembiayaan perumahan, penyelenggaraan dan pengurusan unit tidak terjual (*overhang units*).

4. Sejajar dengan kenyataan KPKT sebelum ini, penubuhan entiti tunggal perumahan akan memacu agenda perumahan negara dengan lebih komprehensif

dan efisyen dari segi kewangan, pentadbiran dan pelaksanaan bagi memastikan pemilikan rumah dikalangan rakyat Malaysia mencukupi, berkualiti dan mampu milik.

5. Perancangan serta penubuhan NHC adalah inisiatif yang penting untuk agenda perumahan negara dan ini memerlukan kepimpinan yang berpengalaman dan berwibawa. Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin telah mencadangkan YB Dato' Seri Shahidan Kassim, untuk memacu usaha pembangunan perumahan mampu milik melalui penubuhan NHC. YB Dato' Seri Shahidan mempunyai pengalaman yang luas dalam tadbir urus di mana beliau pernah menjawat jawatan sebagai Menteri Besar Perlis serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Datuk Zuraida Kamaruddin  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
9 Mac 2021**

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*